

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 MARCH 2017

Mangsa culik Abu Sayyaf bertemu ahli keluarga

UM- 28/3/2017

Oleh SITI NA'IMAH MOHAMED
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 27 MAC

DUA nelayan mangsa culik kumpulan militan Abu Sayyaf bertemu dengan ahli keluarga mereka buat pertama kali hari ini selepas lapan bulan ditahan kumpulan itu, dalam linangan air mata sambil disaksikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor sebelum itu bertemu dan mendingar sendiri cerita Tayudin Anjut, 46, dan Abdul Rahim Summas, 63, yang tiba di kediaman beliau di sini pada pukul 8 pagi untuk dipertemukan dengan keluarga masing-masing yang telah sedia menunggu.

Sebaik sahaja bertemu Perdana Menteri, kedua-dua nelayan itu yang kini terpaksa menggunakan kerusi roda tidak putus-putus melahirkan rasa syukur dan berterima kasih dengan usaha berterusan kerajaan dalam membebaskan mereka.

Dalam pertemuan kira-kira



Syukur dan terima kasih kepada kerajaan dan tentera Filipina atas tindakan dan kecekapan mereka menyelamatkan rakyat Malaysia."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

20 minit itu, Tayudin dan Abdul Rahim yang mengalami pelbagai masalah kesihatan termasuk tidak mampu berjalan dan mengalami masalah penglihatan, menceritakan bagaimana mereka dilayan seperti hamba abdi oleh kumpulan penculik dan dipaksa melakukan pelbagai kerja seperti memasak untuk kumpulan itu selain hanya diberi sisa makanan untuk dikongsi dan meminum air masin.

Suasana pilu turut dirasakan apabila kedua-dua nelayan itu dipertemukan dengan keluarga masing-masing iaitu Tayudin di-

sambut oleh isteri, Gustiah Sultan, 47, dan dua anak mereka, Nur Erin Farisha, 13, dan Mohd. Fahrin, 5, manakala Abdul Rahim bertemu anak keduanya, Rasniyati, 40, dan beberapa anggota keluarga lain.

Presiden Kelab Putra 1Malaysia (KP1M), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim turut serta dalam pertemuan itu.

Perdana Menteri ketika ditemui pemberita selepas itu menyatakan rasa terharu apabila melihat sendiri pertemuan dua nelayan tersebut dengan keluarga masing-masing dan memberitahu pembebasan mangsa culik itu dibuat dengan kerjasama antara kerajaan Malaysia dan Filipina.

"Selain itu, usaha berterusan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Luar dan pihak lain termasuk KP1M membuahkan hasil dengan dua daripada lima mangsa culik berjaya dibawa pulang ke tanah air semalam. Terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat dalam usaha menyelamatkan mereka," katanya.

Najib berkata, Tayudin dan Abdul Rahim akan menerima rawatan perubatan daripada doktor

pakar di samping menempatkan mereka di wad kelas pertama di Hospital Selayang.

"Tayudin mengalami masalah penglihatan dan tidak mampu berjalan dan masalah pundi kencing tidak berfungsi, begitu juga Abdul Rahim yang turut mengalami darah tinggi. Kedua-dua mereka akan dirawat oleh pasukan pakar di Hospital Selayang. Insya-Allah kita harap kedua-duanya akan pulih kembali," katanya.

Najib turut menegaskan pembebasan dua rakyat Malaysia yang diculik kumpulan pengganas Abu Sayyaf tidak melibatkan sebarang pembayaran wang tebusan.

Sementara itu Perdana Menteri menerusi Facebooknya memberitahu, beliau telah dimaklumkan tiga lagi rakan Tayudin dan Abdul Rahim yang turut diculik, Fandy Bakran, 27; Mohd. Jumadil Rahim, 24; dan Mohd. Ridzuan Ismail, 33, telah diselamatkan tengah malam tadi.

"Syukur dan terima kasih kepada kerajaan dan tentera Filipina atas tindakan dan kecekapan mereka menyelamatkan rakyat Malaysia," katanya.